



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

29 Mac 2021
15 Syaban 1442h

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Nelayan terjejas angkara pukat tunda
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">• Tangani perubahan iklim pelihara sektor perikanan
Harian Metro	
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Nelayan Vietnam terapung lima hari ditemui selamat
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Nelayan Vietnam ditemui terapung
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			31	29/03/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			



PENDAPATAN lebih 500 nelayan di Pulau Betong dan Gertak Sanggul, Pulau Pinang terjejas berikutan aktiviti pencerobohan bot pukat tunda berhampiran perairan Pulau Kendi.

Nelayan terjejas angkara pukat tunda

GEORGETOWN: Hasil pendapatan lebih 500 nelayan di Pulau Betong dan Gertak Sanggul di sini terjejas berikutan aktiviti pencerobohan bot pukat tunda yang didakwa 'bermaharajalela' pada waktu malam berhampiran perairan Pulau Kendi di sini.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, masalah yang berlarutan sejak 40 tahun lalu itu dilaporkan masih berlaku di sekitar kawasan tersebut.

Menurutnya, banyak aduan telah dibuat kepada pihak berkaitan namun aktiviti tersebut masih berlaku.

"Bot pukat tunda dikatakan telah menceroboh zon A secara berkumpulan. Mereka datang dari pangkalan Teluk Bahang dan Batu Maung tanpa memasang lampu bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

"Berikutan kejadian itu,

pendapatan nelayan di sini merosot kerana ikan dan udang yang menjadi sumber tangkapan utama mereka berkurangan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Katanya, nelayan bot pukat tunda itu juga dikatakan akan berlabuh dan berehat di pulau berkenaan pada waktu pagi sebelum meneruskan aktiviti mereka keesokan hari.

"Nelayan-nelayan di sini turut mengalami kerugian disebabkan jaring mereka rosak akibat diancam lumpur, siput duri, sisa kayu dan besi serta pelbagai bahan buangan selepas bot pukat tunda tersebut beroperasi," jelasnya.

Mohideen berkata, sebuah bot pukat tunda berkeupayaan memerangkap dan membunuh lebih 60 peratus benih anak ikan termasuk beberapa jenis ikan berkualiti tinggi seperti senangin, bawal, tenggiri termasuk sotong.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY	12	29/03/2021
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL		

Tangani perubahan iklim peliharaan sektor perikanan

Perikanan tangkapan amat penting di Asia Pasifik dengan anggaran 70 peratus stok perikanan dunia berada di kawasan ini.

Jumlah pengeluarannya hampir 44 peratus daripada keseluruhan pengeluaran ikan dunia.

Namun, kesinambungan dan kelestarian sektor perikanan tangkapan diragui kerana dipercayai hampir 90 peratus stok ikan dunia kini terjejas.

Penyebab utama adalah perubahan iklim hasil fenomena pemanasan global, selain isu penangkapan dan penyuatan ikan berlebihan. Fenomena pemanasan global berlaku disebabkan peningkatan suhu atmosfera yang memberi impak kepada sistem iklim bumi.

Penghasilan gas rumah hijau berlebihan hasil aktiviti manusia, memerangkap dan mengurangkan pembebasan haba bumi melepasi ruang atmosfera bumi. Ia menyebabkan berlakunya kenaikan suhu atmosfera bumi.

Panel Perubahan Iklim Antara Kerajaan (IPCC) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memanggarkan terjadi kenaikan suhu atmosfera bumi sebanyak 1.5 darjah celsius antara 2030 dan 2052.

Hampir dua pertiga permukaan bumi didominasi lautan. Oleh itu, peningkatan suhu atmosfera boleh menjejaskan suhu air ekosistem akuatik. Pada masa sama, kadar pencairan ais atau glasier di kutub juga bertambah.

Menjelang 2100, IPCC mengunjurkan aras permukaan laut akan meningkat 30 hingga 60 sentimeter. Dianggarkan 10 juta populasi dunia berhampiran pantai dan pulau tanah rendah dikehendaki kehilangan tempat tinggal akibat kenaikan aras permukaan laut.

Perluasan kawasan lautan juga menyebabkan kesan langsung tiupan angin kencang dan tindak balas gelombang ombak, seterusnya menyebabkan kadar hakisan pantai meningkat.

Seperti di negara Asia Pasifik lain, perikanan tangkapan antara sektor bekalan makanan terpenting Malaysia. Bukan sahaja menyediakan sumber protein, malah pekerjaan kepada masyarakat tempatan.

Berdasarkan data Organisasi Makanan dan Pertanian (FAO), pada 2020 penggunaan ikan per kapita, Malaysia antara tertinggi dunia, mencecah 59 kilogram (kg) per kapita dan dijangka terus meningkat dengan kadar pertumbuhan 1.9 peratus setahun.

Peningkatan ini dipicu kesedaran masyarakat terhadap sumber bekalan protein makanan yang lebih murah dan berkualiti tinggi.

Secara keseluruhan, pada 2019, sektor perikanan menyumbang 12 peratus kepada pengeluaran sektor pertanian atau agrikultur negara dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 7.1 peratus.

Rekod FAO menganggarkan 90,000 penduduk tempatan Malaysia terabit sektor perikanan dengan lebih 50 peratus di Semenanjung.

Hakikatnya, perikanan sumber komoditi bagi penajanaan pendapatan negara melalui pertukaran wang asing.

Namun, pemanasan global mendatangkan kesan langsung kepada peningkatan suhu air ekosistem akuatik. Haiwan akuatik dengan ciri ektotermik (suhu badan dipengaruhi sumber haba persekitaran) seperti ikan akan terkesan.

Proses biologi ikan akan terkesan seperti mengubah kadar tumbesaran, perkembangan, keupayaan pembiakan dan seterusnya memberi kesan kepada kesihatan dan kemandirian.

Impak ini akan tersebar kepada populasi lain dalam sesuatu komuniti dan seterusnya mengubah produktiviti, struktur dan komposisi sesuatu ekosistem. Justeru, aspek perubahan iklim cabaran besar buat ekosistem akuatik negara.

Maka, persoalan mengena impak perubahan iklim kepada perikanan tangkapan sewajarnya diberi perhatian. Faktor fizikokimia pada ekosistem akuatik seperti suhu, kemasinan dan oksigen terlarut antara faktor abiotik utama dalam persekitaran akuatik.

Perubahan pada nilai faktor fizikokimia ini yang melangkaui julat optimum kemandirian haiwan akan menyebabkan haiwan dalam keadaan stres.

Sebagai contoh, gangguan pada kualiti air laut seperti perubahan pH menyebabkan komuniti karang di laut terjejas, seterusnya mengakibatkan kekeayaan spesies ikan berkurangan, malah menjurus kepada kepupusan spesies ikan tempatan.

Saliniti atau kemasinan air juga boleh berubah akibat perubahan iklim. Walaupun lautan tropika akan menjadi semakin masin akibat berlaku kadar penyejatan tinggi, nilai saliniti air di

lautan berdekatan kutub pula menjadi semakin rendah akibat pencairan ais dan glasier.

Bagi ekosistem air tawar, nilai saliniti dijangka terus meningkat akibat kadar penyejatan tinggi.

Oleh kerana ekosistem air tawar hanya merangkumi tiga peratus keseluruhan ekosistem akuatik, ini akan memberi kesan negatif yang bukannya sedikit.

Kemandirian populasi haiwan seni seperti zooplankton yang bersifat dwifungsi iaitu sebagai pengguna utama dan juga mangsa dalam satu trofik rantai makanan turut terancam, selain risiko kehilangan ekosistem air tawar terutama ekosistem air tawar dengan kedalaman rendah (cetek).

Realitinya, perubahan iklim akan mengganggu taburan, demografi dan stok spesies, malah memberi kesan kepada komuniti ikan dan ekosistemnya.

Oleh itu, sebahagian besar stok ikan berisiko untuk terjejas disebabkan perubahan iklim. Hasilnya, jumlah pengeluaran ikan menjadi lebih rendah dan hanya boleh digunakan untuk penggunaan domestik atau tempatan.

Penghijrahan spesies ikan ke persekitaran baharu lebih optimum juga boleh berlaku. Lebih malang penghijrahan ini merentasi zon sempadan sesebuah negara yang boleh menjurus kepada konflik ekonomi, malah politik.

Perubahan iklim juga memunculkan berlaku penyebaran agen penyakit. Terdapat beberapa laporan dan data kajian saintifik secara khusus menyatakan perubahan iklim antara penyebab utama berlaku insiden kematian spesies haiwan akuatik yang diternak seperti ikan dan kerang-kerangan.

Kedua ini diburukkan lagi isu penceroohan nelayan asing yang saban hari menghiasi dada akhbar. Walaupun langkah penguatkuasaan ditingkatkan, nelayan asing ini dengan berani dan tanpa rasa bersalah menyelongkar ser-

ta mencuri hasil laut negara.

Dianggarkan negara kehilangan hampir RM6 bilion setahun akibat kegiatan penceroohan nelayan asing. Pada masa sama, nelayan asing juga merosakkan ekosistem akuatik negara dan ini boleh menyebabkan jumlah pengeluaran perikanan tangkapan negara merudum.

Semua ini memberi impak sangat besar kepada keselamatan makanan negara. Akhirnya, ikan yang dituai dalam skala kecil tidak dapat menampung keperluan eksport dan seterusnya memberi kesan kepada pendapatan dan ekonomi negara.

Diharapkan sektor perikanan tangkapan dijadikan agenda utama kerajaan dalam menangani impak perubahan iklim, terutama ke atas sektor jaminan bekalan dan keselamatan makanan.

Langkah diambil seperti program pelepasan benih ikan ke perairan umum saban tahun membantu kelestarian sektor perikanan tangkapan. Begitu juga program peletakan unjam serta pelabuhan tukun tiruan yang menunjukkan hasil positif serta mampu meningkatkan stok perikanan negara.

Namun, kesedaran kepentingan sektor perikanan tangkapan dalam kalangan masyarakat awam masih boleh dipertingkatkan.

Langkah bersepadu seharusnya dirangka antara agensi dan Kementerian untuk mencapai situasi 'menang-menang' dalam merangka dasar dan pengurusan perikanan lestari dalam menangani impak perubahan iklim ke atas sektor perikanan tangkapan negara.

Sektor korporat juga boleh dilibat sama bagi membantu menyokong sumber dana dan pengelolaan pengurusan sektor ini.

Penulis adalah Pensyarah di Fakulti Perikanan dan Sains Makanan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)



Langkah bersepadu perlu dirangka dalam menangani impak perubahan iklim ke atas sektor perikanan tangkapan negara. (Foto hiasan)

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU			8	29/03/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL				



SEORANG nelayan warga Vietnam ditemui selamat di perairan Kuala Tok Bali selepas lima hari terapung semalam.

Nelayan Vietnam terapung lima hari ditemui selamat

PASIR PUTEH – Seorang nelayan warga Vietnam ditemui dalam keadaan selamat semalam di Kuala Tok Bali di sini selepas bot yang dinaikinya karam berhampiran Pulau Nam Du, Vietnam lima hari yang lalu.

Sepanjang tempoh itu, mangsa yang berusia 41 tahun hanya berpaut pada pelampung pukat sebelum diselamatkan oleh kru kapal pada pukul 11.30 pagi itu.

Pengarah Maritim Malaysia (APMM) Kelantan, Kepten Maritim Muhd. Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, mangsa ditemui kira-kira 107.2 batu nautika dari Kuala Tok Bali di sini iaitu sejauh 147 batu nautika dari pulau lokasi bot karam.

Katanya, APMM menerima laporan mengenai penemuan mangsa daripada Kapal Express 93 sebelum berjaya me-

nemui lelaki itu pada pukul 2.20 petang.

“Siasatan awal mendapati, mangsa bekerja sebagai nelayan di atas sebuah bot bersama lima orang awak-awak termasuk seorang tekong,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Muhd. Nur Syam Asmawie, bot yang dinaiki mangsa dipercayai karam sebelum dihanyutkan ke lokasi dia ditemui.

Katanya, mangsa telah dibawa ke Jeti Tok Bali Supply Base sejeurus diselamatkan.

“Pemeriksaan awal mendapati, mangsa didapati mengalami *hypothermia* iaitu suhu badan sejuk, sedikit kekejangan dan kesukaran bernafas.

“Mangsa juga telah dihantar ke klinik kesihatan bagi saringan Covid-19,” jelasnya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Nelayan Vietnam ditemui terapung

Berada pada jarak 107.2 batu nautika dari muara Tok Bali

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Seorang nelayan Vietnam ditemui terapung pada jarak 107.2 batu nautika dari muara Tok Bali, di sini pada Sabtu selepas bot yang dinaikinya dipercayai karam.

Mangsa yang dikenali sebagai Le Hoang Em, 41, ditemui tanpa pakaian oieh sebuah kapal dagang Express 93 dalam keadaan sedar dan berpaut pada pelampung.

Pengarah Maritim Malaysia Kelantan, Kepten Maritim Muhd Nur Syam Asmawie Ya-

acob berkata, pihaknya memindahkan nelayan tersebut ke darat pada Ahad selepas menerima maklumat berhubung kejadian itu dari sebuah kapal pada jam 2.30 petang.

"Bagaimanapun, kru kapal tersebut terlebih dahulu berjaya membawa naik mangsa pada jam 11.30 pagi," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Menurutnya, berpandukan kepada perbualan awal antara mangsa dengan wakif kapal, nelayan tersebut memberitahu bekerja di atas sebuah bot.

Beliau berkata, mangsa memberitahu bot yang dinaikinya itu karam lima hari lalu berhampiran Pulau Nam Du, Vietnam sebelum dihanyutkan sejauh 147 batu nautika.

Katanya, mangsa telah dibawa ke Jeti Tok Bali Supply Base pada jam 9.30 pagi dan dihantar ke Klinik Kesihatan Cherang Ruku untuk menjalani ujian calitan Covid-19.



Hoang Em ditemui oieh sebuah kapal dagang Express 93 dalam keadaan sedar dan berpaut pada pelampung.

"Kita telah maklumkan penemuan nelayan itu kepada pihak kedutaan Vietnam di negara ini.

"Pihak Maritim akan men-

jalankan siasatan bagi meneliti kejadian sebenar kerana mangsa dijumpai di kawasan perairan negara dan mendakwa bot mereka bersama enam kru karam

sejak lima hari lalu," katanya.

Menurutnya, mangsa akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk proses selanjutnya.